

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
TENAGA NASIONAL BERHAD DISTRIBUTIF (TNBD)  
TELUK INTAN

OLEH

KHAIBUL IKHSAN BIN ABDUL KARIM  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL,  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

584

Perpustakaan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045445



LI 30 FPE 1 2005



1100045445

Laporan akhir Latihan Industri di Tanaga Nasional Berhad  
Distributif (TNBD) Teluk Intan / Khairul Ikhsan Abdul Rahim

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045445		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

-I  
30  
PE  
1  
005

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Khairul Ikhsan bin Abdul Karim (UK8983), No. Kad pengenalan 830821-08-5201 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Tandatangan




.....

**Nama: KHAIRUL IKHSAN BIN ABDUL KARIM**

**Tarikh:**

**Disahkan Oleh:**



.....

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemuruh Lagi Penyayang*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang Maha Agung kerana dengan izinnya dapat saya menjalani Latihan Industri dengan jayanya dan menyiapkan laporan akhir Latihan Industri ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Encik Syahrin bin Said yang sudi menjadi penyelia KUSTEM saya dalam menyiapkan laporan akhir Latihan Industri dan sudi menyumbangkan bakti membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya sehingga saya berjaya menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini. Juga penghargaan ini ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Pengurusan Ekonomi terutama kepada Cik Norhayati Sa'at yang selaku Penyelaras Program Jabatan Ekologi Sosial. Tidak dilupakan juga saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri bagi membolehkan saya bergraduasi dengan cemerlang.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada TNB Distribution Sdn. Bhd. cawangan Teluk Intan, Perak diatas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan kepada saya serta tunjuk ajar yang amat saya hargai. Setinggi-tinggi penghargaan juga ini saya berikan kepada En. Zainol bin Karim sebagai Pengurus Kawasan Teluk Intan, TNB Distribution Sdn. Bhd.

serta kakitangan TNB Distribution Sdn. Bhd. kawasan Teluk Intan yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya selama tempoh latihan ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Latihan Industri ini.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Latihan Industri adalah teras program iaitu kepada program-program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) umumnya manakala adalah wajib bagi program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial khususnya. Keperluan untuk bergraduasi seseorang pelajar perlu menjalani Latihan Industri dan merupakan enam jam kredit. Latihan Industri adalah merupakan penempatan pelajar di dalam industri. Menurut Jawatankuasa Latihan Praktikal dan Latihan 2005 pelajar-pelajar akan ditempatkan di agensi swasta atau awam. Tempoh latihan adalah selama 12 minggu iaitu bermula 21 Mac 2005 sehingga 11 Jun 2005. Sepanjang menjalani latihan industri pelajar-pelajar berpeluang mempelajari bagaimana situasi sebenar di alam pekerjaan sama ada secara langsung atau tidak. Selain itu, pelajar juga berpeluang mempelajari selok-belok dunia pekerjaan dan bagaimana aspek pentadbiran dan pengurusan sesebuah organisasi.

Salah satu aspek penilaian dalam Latihan Industri ialah pelajar-pelajar latihan industri mempunyai dua orang penyelia iaitu Penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan Penyelia Industri. Penyelia KUSTEM adalah pensyarah yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Latihan Praktikal Industri yang bertanggungjawab untuk menyelia, perancangan kerja, membuat pemantauan di organisasi, menyemak laporan dan memberi penilaian kepada pelajar yang merangkumi 80% daripada jumlah keseluruhan. Manakala penyelia industri adalah kakitangan yang telah dilantik oleh organisasi di mana tanggungjawab beliau adalah merangkumi

penilaian sebanyak 20% sepanjang pelajar berada di organisasi tersebut. Penilaian dari penyelia industri merangkumi penilaian pelajar mengendalikan organisasi tersebut.

Latihan industri merupakan satu program yang mempunyai misi dan visi yang tersendiri. Antaranya ialah memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang alam pekerjaan yang sebenar dimana pelajar dapat melihat sendiri senario alam pekerjaan yang sebenar tidak kira dalam sektor swasta ataupun kerajaan. Pengalaman ini akan menjadi panduan kepada pelajar sebelum pelajar memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Oleh itu, pendedahan awal ini amat penting bagi pelajar untuk membentuk keperibadian seseorang pekerja yang diperlukan oleh pasaran tenaga kerja pada hari ini.

Imej sesebuah organisasi khususnya Tenaga Nasional Berhad Distribution (TNBD) sendiri, banyak bergantung kepada khidmat penggunaanya. Usaha yang gigih dalam membentuk nama organisasi di TNBD dengan kos yang besar akan sia-sia begitu sahaja tanpa mendapat sokongan daripada penggunaanya. Ada sesetengah pendapat mengatakan khidmat pengguna hanyalah bertanggungjawab di bahagian hubungan pengguna atau perhubungan awam yang ditubuhkan dalam setiap organisasi. Hal ini adalah satu tanggapan yang salah dan meleset sama sekali kerana hubungan pengguna adalah tanggungjawab semua anggota dalam sesebuah organisasi untuk meningkatkan imej organisasi tersebut.

Akhir sekali laporan ini akan membincangkan mengenai struktur bahagian pentadbiran dan kewangan di Tenaga Nasional Berhad Distributif (TNBD) Teluk Intan

yang menerangkan mengenai latarbelakang organisasi, misi dan visi, fungsi, serta pendekatan untuk memajukan organisasi ini di dalam bab 1. Seterusnya bab 2 pula akan membincangkan mengenai pengenalanpastian masalah iaitu dalam aspek analisis sistem kerja dan masalah-masalah yang dikenalpasti. Manakala dalam bab 3 pula akan membincangkan mengenai cadangan penyelesaian masalah oleh pelatih. Secara umumnya ia akan menerangkan mengenai struktur pentadbiran kewangan diu Tenaga Nasional Berhad Distributif (TNBD) Teluk Intan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan juga kepada para pekerja Tenaga Nasional Berhad Distributif (TNBD) itu sendiri.